

EPK 351
PERKAHWINAN DAN KEKELUARGAAN

TAJUK :
ADAT PERPATIH LUAK ULU MUAR
DAN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK

JABATAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
MAC 1997

**EPK 351
PERKAHWINAN DAN KEKELUARGAAN**

**TAJUK:
ADAT PERPATIH LUAK ULU MUAR
DAN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK**

OLEH:

KUMPULAN 04

ABD. JABAR HJ. IDRIS	44798
HISHAMUDDIN ABU BAKAR	44928
NAZRI HUSIN	43379

**BACELOR SASTERA
SEMESTER 04 SESI 1996/97**

**JABATAN PEMBANGUNAN KELUARGA
FAKULTI EKOLOGI
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

MAC 1997

**HIDUP DI
KANDUNG ADAT**

**MATI DI
KANDUNG TANAH**

ISI KANDUNGAN

Halaman

PRAKATA

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Ruang Lingkup	2
1.3	Batasan Kajian	2
2.0	PENGERTIAN ADAT PERPATIH	2
3.0	SEJARAH LUAK ULU MUAR	6
4.0	STRUKTUR PENTADBIRAN ADAT PERPATIH	7
5.0	PERUNDANGAN ADAT-ADAT PERPATIH (HUKUM ADAT)	13
5.1	Cara Perlantikan	15
6.0	TATA ETIKA PEMIMPIN DAN SALAH LAKU	18
6.1	Kesetiaan Pemimpin Dan Anak-Anak Buah	19
7.0	PERKAHWINAN DAN PERKENDURIAN	20
8.0	PENTADBIRAN HUKUM SYARAK	21
8.1	Memilih Jodoh Mengikut Pandangan Islam	21

8.2	Perkahwinan	24
8.2.1	Tujuan Perkahwinan	25
8.2.2	Meminang Dalam Islam	29
8.2.3	Maskahwin	30
8.2.4	Majlis Walimatul Urus	31
8.3	Tanggungjawab Kekeluargaan	32
8.4	Percanggahan Adat dan Budaya Dengan Hukum Syarak	36
8.5	Perkahwinan Yang Diharamkan Oleh Syarak	39

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PRAKATA

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah, dengan limpah kurniaNya serta kekuatan yang diberiNya dapatlah pihak kami menyiapkan esei ini untuk memenuhi kursus EPK 351 - Perkahwinan. Ia dikenali dengan nama "Adat Perpatih Luak Ulu Muar dan Pentadbiran Hukum Syarak". Apabila menyebut saja Negeri Sembilan, terbayanglah oleh seseorang itu akan Adat Perpatih yang menjadi teras pentadbiran masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Ini diikuti dengan kesangsian dan ketakutan kepada pihak lelaki luar Negeri Sembilan untuk mencari pasangan hidup. Ini berlaku pada satu masa lalu, tetapi kini dengan kepesatan pembangunan dan perubahan masyarakat di negara ini perasaan takut dan sangsi telah mula hilang.

Alhamdulillah berkat dan kesedaran dan keinsafan beberapa tokoh di Negeri Sembilan seperti Tan Sri Dato Abdul Samad Idris, Dr. Nordin Selat bahkan tidak ketinggalan pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia Hj. Norhalim Hj. Ibrahim, beberapa usaha telah dijalankan dengan menubuhkan beberapa kesatuan dan menulis buku-buku mengenai adat perpatih ini. Syukur kini telah ada buku-buku yang berkaitan dengan adat perpatih. Juga di atas sokongan yang tidak terhingga kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar Negeri Sembilan yang

memberi laluan untuk menulis buku-buku adat. Selain dari itu pihak istana Negeri Sembilan juga memberi galakan dan dorongan terhadap penulisan buku mengenai adat ini. Apa yang mengejutkan juga terdapat segelintir pelajar-pelajar pengajian tinggi yang berminat mengkaji dan menyelidik struktur adat perpatih ini yang dikatakan unik dan banyak mengandungi nilai-nilai kemanusiaan.

Sekian, terima kasih.

ABD. JABAR HJ. IDRIS	(44798)
HISHAMMUDIN ABU BAKAR	(44928)
NAZRI HUSIN	(43379)
BACELOR SASTERA	
SEMESTER 04 SESI 1996/97	

2.0 PENGERTIAN ADAT PERPATIH

'Biar mati anak jangan mati adat'

Kiasan tersebut menjadi kontroversi pada sedikit masa dahulu malah kini pun masih ada yang mempersoalkannya. Itu adalah satu slogan di dalam perbilangan masyarakat Adat Perpatih di mana ia menjadi tunggak pentadbiran dalam sistem Adat Perpatih itu sendiri. Jika kita amati secara terperinci ia bermaksud biarlah anak itu mati kerana setiap makhluk akan menemui maut atau mati sebaliknya adat atau amalan harian manusia itu berterusan selagi manusia itu hidup atau mengamalkannya.

Sebelum kita pergi jauh lagi tentang adat ini kita lihat dahulu apa yang dikatakan adat dan apa dia adat perpatih tersebut. Menurut Kamus Dewan adat dapat didefinisikan sebagai;

"Peraturan yang sudah diamalkan turun temurun di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi."

Di sini dapatlah difahami Adat Perpatih ini adalah satu sistem peraturan masyarakat Melayu yang sebahagian besarnya di Negeri Sembilan. Di dalam sistem ini ia adalah mengikut nasab dan keturunan sebelah ibu. Sehubungan dengan itu juga sistem Adat Perpatih ini memang mementingkan mesyuarah di dalam mengendalikan sesuatu urusan, baik masalah kenduri kendara, perkahwinan, perlantikan ketua dan sebagainya. Ia memerlukan perbincangan yang menyeluruh dan dihadiri oleh semua pihak yang terlibat. Setelah kata putus dibuat barulah satu rancangan itu dijalankan.

Bulat air kerana pembentung

Bulat manusia kerana muafakat

Secara keseluruhannya dapat dimengertikan sistem Adat Perpatih adalah satu sistem yang unik. Di dalam sistem ini tidak ada orang yang terkecuali di dalam melaksanakan tugas-tugas masing-masing. Semua terlibat bak kata perbilang;

*Kok cerdik nakkan ilmunya
Kok kaya nakkan hartanya
Kok alim nakkan doanya
Yang buta penghembus lesung
Yang kurap memikul buluh
Yang lumpuh penghalau ayam*

Sungguhpun diketahui umum adat ini dibawa oleh masyarakat Minangkabau di Sumatera ke Negeri Sembilan dan bukan sahaja di Negeri Sembilan malah terdapat juga di Naning, Klang di Selangor.

Dalam sistem Adat Perpatih ini ia mementingkan nasab sebelah ibu dan dikenali juga dengan persukuan. Ia mengandungi dua belas (12) suku iaitu:

1. Biduanda
2. Tanak Datar
3. Seri Lemak Minangkabau
4. Seri Melenggang
5. Tiga Batu
6. Paya Kumbuh
7. Batu Belang
8. Anak Acheh
9. Batu Hampar
10. Seri Lemak Pahang
11. Tiga Nenek
12. Mungkal

Pesukuan ini adalah mengikut kehadiran pendatang Minangkabau ke Daerah atau Luak Ulu Muar khasnya dan Negeri Sembilan amnya mengikut daerah di Minangkabau. Mereka datang dan meneroka tempat kediaman di Negeri Sembilan dan berkembang biak akibat kahwin atau dalam bahasa adatnya semenda menyemenda. Di antara kedua belas suku tersebut suku Biduanda adalah suku tempatan dan mendapati pengiktirafan yang tinggi berbanding dengan suku yang lain. Bagi masyarakat Negeri Sembilan bangga dan mempertahankan akan kemurnian sistem ini juga kini telah banyak pengkaji telah mengkaji dan menjadi satu kemestian pula disetengah pusat pengajian tinggi.

*Hidup dikandung Adat
Mati dikandung Tanah*

Keseluruhannya terdapat juga yang kurang memahami akan apa dia Adat Perpatih itu dan menganggap ia bertentangan dengan agama Islam. Cuma kita perlu fahami terlebih dahulu akan sistem yang terdapat di dalam Adat Perpatih tersebut.

*Kata Adat banyak kiasan
Ditunjuk ia tetapi bukan
Bergulung pendak panjang direntang
Tak faham kalau tak direnungkan.*

BIBLIOGRAFI

- Al Quran dan Terjemahan, Li Thiba'at al Hush-haf Asy-Syarif, Madinah.
- Norhalim Hj. Ibrahim, **Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan**, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1996.
- Buyong Adik, **Sejarah Negeri Sembilan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
- Abdul Ghani Hj. Yahya, **Cahaya Mestika, Kaedah Membahagi Pusaka**, Ahmadiyah Press, Singapura, 1995.
- Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.
- Abd. Samad Idris, **Payung Terkembang**, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur, 1990.
- Abd. Samad Idris, Tan Sri, **Tahta Kerajaan Negeri Sembilan**, Utusan Print Corp, Kuala Lumpur, 1987.
- Nordin Selat Dr., **Sistem Sosial Adat Papatih**, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1982.
- Abd. Samad Idris, Tan Sri, **Luak Tanah Mengandung**, Malindo Printers, Shah Alam, 1994.
- Mohd. Afendi Hasan, **Beberapa Prinsip Dan Ciri Utama Kepimpinan Dalam Islam**, JPM, Kuala Lumpur, 1992.
- Abu Bakar Hamzah, **Konsep Kepimpinan Ulama Dalam Politik**, Pustaka Zakry Abadi, Kuala Lumpur, 1983.
- Sheikh Hj. Abd. Mohsin, Tan Sri, **Perselisihan Pendapat Mengenai Hukum Yang Timbul Daripada Adat Resam dan Berlainan Tempat dan Masa ...**, Al-Risalah, JPM, Kuala Lumpur, 1986.


Said Hj Ibrahim Hj., **Kepimpinan Rumah Tangga dan
Kekeluargaan ...**, Al-Risalah, JPM, Kuala Lumpur,
1993.

_____, **Kursus Persediaan Pra
Perkahwinan**, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri
Sembilan, Seremban.

'LAMPIRAN'

- 1. SALSILAH/JURAI DATO'
PENGHULU LUAK ULU
MUAR**
- 2. GAMBAR PENCALONAN
DAN PERISTIHRAN DATO
SYAHBANDAR LUAK ULU
MUAR**

DEEM





Alat Kebesaran yang dipasang di halaman
rumah semasa Perisytiharan Dato' Shah
bandar Luak Ulu Muar




Payung dan Tombak — Alat Kebesaran yang dipasang semasa Perisytiharan Dato' Shah bandar Luak Ulu Muar



Calon Dato' Shahbandar diiringi oleh Waris Soko dengan epok ke Balai Meng hadap Penghulu Luak Ulu Muar




Alat Kebesaran dipasang sepanjang jalan
masuk ke Balai Menghadap Penghulu Luak
Ulu Muar



Alat Kebesaran dipasang sepanjang jalan
masuk ke Balai Menghadap Penghulu Luak
Ulu Muar



Pemufakatan (Perbincangan) antara Dato'
Dato' Lembaga Adat dengan Dato' Penghulu
Luak Sebelum perisytiharan jawatan
Dato' Shahbandar



Maris Boio menyerahkan epok kepada
Dato' Penghulu Luak



Waris Soko yang mengiringi calon
Dato 'Shahbandar



Peralatan/keperluan yang mesti dibawa
bersama semasa hari perisytiharan
Dato 'Shahbandar Luak Ulu Muar